



Tarikh : 1 November 2018

Kepada Semua Ibu Bapa

**PENDAFTARAN DAN ORIENTASI MURID TINGKATAN SATU TAHUN 2019,  
SMK BANDAR UTAMA DAMANSARA (3),  
SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN.**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuki.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa tuan-tuan dan puan-puan perlu mendaftar anak-anak anda bersama **Surat Kelulusan Penempatan Murid Tingkatan 1 Tahun 2019** di SMK Bandar Utama Damansara (3) seperti berikut :

**2.1 Pendaftaran :**

- 2.1.1 Tarikh : 12 November 2018 (Isnin).
- 2.1.2 Masa : 8.00 pagi – 12.00 tengah hari.
- 2.1.3 Tempat : Dewan Sekolah, Tingkat Bawah , Blok A.
- 2.1.4 Kehadiran : Semua murid wajib hadir berpakaian sekolah rendah lengkap bersama ibu dan bapa/penjaga.
- 2.1.5 Pakaian : Berpakaian sopan dan kemas (**\*dilarang hadir dengan berpakaian baju singlet atau berseluar pendek**).
  
- 2.1.6 Tarikh : 13 hingga 15 November 2018 (Selasa hingga Khamis).
- 2.1.7 Masa : 8.00 pagi – 12.00 tengah hari
- 2.1.8 Kehadiran : Semua murid wajib hadir berpakaian sekolah rendah lengkap bersama ibu dan bapa/penjaga.
- 2.1.9 Tempat : Pejabat Sekolah, Tingkat 1 , Blok B.
- 2.1.10 Pakaian : Berpakaian sopan dan kemas (**\*dilarang hadir dengan berpakaian baju singlet atau berseluar pendek**).

**2.2 Dokumen yang perlu semasa Pendaftaran (\*disusun mengikut aturan seperti dibawah) :**

- 2.2.1 Surat Kelulusan Penempatan Murid tahun 2019 daripada sekolah asal.
- 2.2.2 Salinan fotostat keputusan UPSR Tahun 2019 (**\*jika telah diumumkan**) atau Salinan fotostat keputusan Peperiksaan Percubaan UPSR 2018.
- 2.2.3 Buku Rekod Kesihatan Murid (**\*sila berhubung dengan sekolah rendah anak anda jika buku tersebut tidak diperolehi**).
- 2.2.4 Salinan fotostat Sijil Kelahiran murid (**\*sila bawa dokumen asal**).
- 2.2.5 Salinan fotostat Kad Pengenalan murid / My Kid (**\*jika ada**).
- 2.2.6 Salinan fotostat Kad Pengenalan bapa (**\*jika telah meninggal dunia, salinan Sijil Kematian diperlukan**).
- 2.2.7 Salinan fotostat Kad Pengenalan ibu (**\*jika telah meninggal dunia, salinan Sijil Kematian diperlukan**).
- 2.2.8 Salinan fotostat Sijil Nikah /Daftar Perkahwinan (**\*jika ibu bapa yang bercerai sila sertakan Surat Penceraian / Surat Hak Penjagaan**).
- 2.2.9 Nombor cukai pendapatan ibu dan bapa (**\*wajib ditulis pada borang pendaftaran murid**).
- 2.2.10 Salinan terkini bil elektrik / bil air / bil telefon (**\*nama ibu atau bapa yang beralamat terkini**).
- 2.2.11 Sijil Berhenti Sekolah untuk murid dari sekolah swasta / tahfiz (**\*jika ada**).

**2.3 Borang Rayuan Penempatan Semula :**

Borang RPS akan diberikan melalui sekolah menengah yang ditempatkan jika murid ingin berpindah.

**2.4 Murid Dari SJK(C) atau SJK(T) :**

Murid daripada SJK(C) atau SJK(T) , perlu juga menghantar **satu (1) salinan keputusan** Peperiksaan Akhir Tahun bagi Tahun 4 , Tahun 5 dan Peperiksaan Percubaan UPSR 2018 yang menunjukkan pencapaian **mata pelajaran Bahasa Melayu**.

**2.5 Hari Orientasi Murid Tingkatan Satu 2019 :**

2.5.1 Tarikh : 28 Disember 2018 (Hari Jumaat).

2.5.2 Masa : 8.00 pagi – 12.00 tengahari.

2.5.3 Tempat : Dewan Sekolah, Tingkat Bawah , Blok A.

2.5.4 Kehadiran : Semua murid Tingkatan Satu 2019 (**\*wajib hadir**).  
Semua ibu atau bapa murid (**\*wajib hadir bersama**).

2.5.5 Pakaian : Semua murid **wajib** berpakaian seragam lengkap Sekolah Menengah dan ibu bapa **berpakaian sopan (\*dilarang hadir dengan berpakaian baju singlet atau berseluar pendek)**.

3. Kerjasama dan keprihatinan tuan dalam perkara ini amatlah kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**PN. ZURAI DAH BINTI ISMAIL,  
PENGETUA,  
SMK BANDAR UTAMA DAMANSARA (3).**

**INI ADALAH CETAKAN KOMPUTER , TANDATANGAN TIDAK DIPERLUKAN.**